

Malaysia
tetap
pulau

sidang
di Brazil

SUBANG, Selasa — Malaysia tetap tidak akan menghadiri Persidangan Alam Sekitar Sedunia di Brazil tahun depan kerana menjangka sidang itu hanya akan menumpukan kepada 'kesalahan' negara Dunia Ketiga.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir ~~Mohamad~~ berkata pendirian Malaysia untuk memulaukan persidangan itu masih tidak berubah walaupun Perdana Menteri Britain, Encik John Major, meminta Malaysia hadir untuk menyuarakan pandangan negara.

"Jika kita mahu mengadakan persidangan alam sekitar, kita perlu kepada sikap positif kerana kita tidak mahu mesyuarat itu menumpukan kepada kesalahan yang dilakukan oleh negara membangun.

"Dalam mesyuarat itu pula tumpuan diberi hanya kepada soal hutan tropika sedangkan yang menyebabkan masalah pencemaran alam sekitar bukan hutan tropika semata-mata tetapi penggunaan bahan bakar di negara maju dan penebangan hutan di kawasan iklim sederhana," katanya kepada pemberita sekembalinya dari lawatan dan mesyuarat di Afrika di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur Subang di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata, Malaysia hanya sekadar sanggup menimbang untuk menghadiri persidangan itu jika ada pengakuan negara maju dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Barat bahawa mereka mempunyai idea positif untuk

LIHAT MUKA 2

Mahathir bidas Barat, NGO

DARI MUKA 1

mengekalkan kestabilan alam semulajadi.

"Kita mahu ada pengakuan bahawa mereka mempunyai idea positif, bukan setakat memulaukan kayu-kayan Malaysia tetapi apa yang mereka harus buat untuk memelihara pendapatan negara," ujarnya.

Ditanya kemungkinan kehadiran Malaysia akan dapat menjelaskan keadaan sebenar, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, jika tujuan pertubuhan negara maju sudah diketahui untuk menyalahkan negara membangun, tidak ada guna Malaysia menghadirinya. "Tetapi jika ada pengakuan

bahawa mesyuarat ini ada idea positif, kita masih terbuka untuk membuat keputusan bagi menghadirinya," katanya.

Baiaimananun. Perdana Menteri membidas negara Barat dan NGO yang tidak menawarkan diri untuk membantu Malaysia dan Indonesia memadamkan kebakaran hutan di Kalimantan yang menyebabkan jerebu di seluruh Malaysia.

"Alasan mereka kononnya tidak dijemput, kita tak dapat terima kerana tanpa jemputan pun mereka rajin masuk hutan Malaysia untuk tinggal bersama penduduk asli serta merantai diri dekat pokok kerana terlalu simpati. Sekarang ini

kita minta mereka untuk padamkan api," katanya.

Ditanya pandangan negara membangun yang melihat Malaysia sebagai 'juara' Dunia Ketiga untuk membawa isu alam sekitar ke persidangan di Brazil, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, sokongan negara membangun sahaja tidak mencukupi tanpa tanggungjawab negara maju.

Menurutnya, selagi NGO Barat menganggap diri mereka lebih pandai daripada semua kerajaan di dunia, sebarang usaha memajukan negara membangun tidak akan berjaya kerana pertubuhan 'berkeuntungan' hanya wujud untuk memastikan negara miskin kekal dengan kemiskinan.